



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

STATISTIK KECEDERAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN NEGARA 2023

Kecederaan pekerjaan di Malaysia meningkat 13.8 peratus kepada 38,950 kes pada tahun 2023

PUTRAJAYA, 12 NOVEMBER 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menyiarkan **Statistik Kecederaan dan Penyakit Pekerjaan Negara** bagi tahun 2023. Statistik **kecederaan pekerjaan** ini mengandungi maklumat berkaitan **kecederaan pekerjaan bukan maut, kecederaan pekerjaan maut serta penyakit dan keracunan pekerjaan** dengan memperincikan jenis kecederaan, punca kecederaan, faktor penyebab kecederaan, industri dan negeri untuk tahun 2023. Statistik ini adalah berdasarkan data yang dibekalkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Kementerian Kewangan dan Polis Diraja Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Pada tahun 2023, Malaysia mencatatkan peningkatan kes **kecederaan pekerjaan** sebanyak 13.8 peratus dengan jumlah 38,950 kes berbanding 34,216 kes yang direkodkan pada tahun 2022. Justeru, kadar kecederaan pekerjaan bagi setiap 1,000 pekerja turut meningkat kepada 2.46 berbanding 2.26 pada tahun 2022 (**Carta 1**). Sementara itu, jumlah kes bagi kecederaan **pekerjaan bukan maut** merekodkan 38,626 kes daripada 33,899 kes pada tahun 2022. Oleh itu, kadar kecederaan pekerjaan bukan maut bagi setiap 1,000 pekerja pada tahun 2023 meningkat kepada 2.44 berbanding 2.24 pada tahun 2022 (**Carta 2**). Sementara itu, sebanyak 324 kes **kecederaan pekerjaan maut** dicatatkan pada 2023, meningkat sebanyak 7 kes berbanding 317 kes pada tahun 2022. Sebaliknya, kadar kecederaan pekerjaan maut pula bagi setiap 100,000 pekerja bagi tahun 2023 mencatatkan penurunan kepada 2.05 berbanding 2.09 yang direkodkan pada 2022 (**Carta 3**)."

Dari segi **kecederaan pekerjaan** mengikut latar belakang **demografi**, kes kecederaan lebih kerap berlaku di kalangan pekerja lelaki berikutan kemalangan yang lebih tinggi disebabkan oleh sifat kerja tersebut. Analisis lanjut mengenai taburan kes mengikut jantina mendapati bahawa lebih daripada dua pertiga kes adalah pekerja lelaki (82.7%) berbanding 17.3 peratus oleh pekerja perempuan. Merujuk kepada **kecederaan pekerjaan maut**, kategori lelaki mencatatkan 320 kes (98.1 peratus) manakala 1.1 peratus (4 kes) adalah kategori perempuan. Sementara itu, kecederaan pekerjaan mengikut **kewarganegaraan**, menunjukkan warganegara Malaysia adalah

paling ramai iaitu sebanyak 87.2 peratus atau 33,949 kes, manakala bukan warganegara Malaysia menyumbang 12.8 peratus atau 5,001 kes (**Paparan 1**).

Perincian kategori mengikut **kumpulan umur** pada 2023, majoriti kes melibatkan pekerja berumur di bawah 45 tahun, merangkumi hampir 70.7 peratus (27,537 kes). Sebaliknya, kadar **kecederaan pekerjaan** tertinggi bagi setiap 1,000 pekerja dicatatkan oleh kumpulan umur 60 hingga 64 tahun sebanyak 2.71, diikuti oleh kumpulan umur 55 hingga 59 tahun pada kadar 2.69 dan kumpulan umur 50 hingga 54 tahun pada kadar 2.54. Sementara itu, kumpulan umur 20 hingga 24 tahun mencatatkan kadar **kecederaan pekerjaan maut** tertinggi pada 2.73. Manakala, kumpulan umur 60 hingga 64 tahun berada di tempat kedua tertinggi dengan kadar 2.70, diikuti oleh kumpulan umur 55 hingga 59 (2.65) dan 35 hingga 39 (2.45), melebihi kadar kecederaan pekerjaan maut nasional sebanyak 2.05 pada tahun 2023 (**Carta 4**).

Berdasarkan perbandingan mengikut **negeri**, semua negeri mencatatkan peningkatan kecederaan pekerjaan pada tahun 2023 kecuali negeri Kedah. Negeri Selangor menunjukkan peningkatan jumlah kecederaan pekerjaan tertinggi sebanyak 8,042 kes. Pada tahun 2023, tujuh (7) negeri mencatatkan kadar kecederaan pekerjaan melebihi kadar nasional iaitu 2.46. Negeri Pulau Pinang mencatatkan peningkatan tertinggi dengan kadar 4.78, diikuti Johor (3.48), Perak (3.20), Negeri Sembilan (3.01), Melaka (3.01), W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (2.94) dan Pahang (2.79). Sementara itu, terdapat peningkatan tahunan **kecederaan pekerjaan maut** bagi tahun 2023 di kebanyakan negeri iaitu Selangor, Sabah, Pulau Pinang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan W.P. Labuan. Kadar kecederaan pekerjaan maut tertinggi adalah di Terengganu (3.24), dengan jumlah 15 kes kematian. Pahang mencatatkan pengurangan tertinggi dengan kadar 2.36 (tahun 2022: 3.47) dengan merekodkan tujuh belas (17) kes berbanding 24 kes pada tahun 2022 (**Paparan 2**).

Seterusnya, klasifikasi mengikut **Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)** 1994, peraturan OSHA meliputi sepuluh sektor melindungi pekerja daripada bahaya di tempat kerja. Sektor Perkhidmatan merekodkan jumlah **kecederaan pekerjaan** tertinggi dengan 10,608 kes (**Carta 5**). Ini diikuti oleh sektor Pengilangan dan Pembinaan yang masing-masing mencatatkan 10,335 kes dan 5,379 kes. Jumlah kes terendah pada tahun 2023 direkodkan oleh sektor Perlombongan dan kuari dengan 116 kes. Secara keseluruhan, majoriti kecederaan pekerjaan mencatatkan trend menaik bagi semua sektor kecuali Perlombongan dan kuari. Sebaliknya, sektor Pembinaan kekal menduduki kedudukan tertinggi dari segi **kecederaan pekerjaan maut** dengan mencatatkan sejumlah 88 kes (tahun 2022: 72 kes), berikutan menghadapi risiko yang berkaitan dengan jatuh, kemalangan jentera dan bahaya lain (**Carta 6**). Ini diikuti oleh sektor Pengilangan (66 kes) dan Perkhidmatan (44 kes).

Menurut Ketua Perangkawan, “Dimensi lain bagi analisis **kecederaan pekerjaan** berkaitan dengan **penyebab kecederaan** adalah berbeza mengikut industri dan tempat kerja (**Paparan 3**). Jenis kecederaan pekerjaan yang kerap berlaku pada tahun 2023 adalah Jatuh iaitu 9,147 kecederaan dan 95 kematian, Memijak, terlanggar atau terkena objek termasuk objek yang jatuh 8,744 kecederaan dan 76 kematian dan Lain-lain jenis kecederaan yang tidak dikelaskan berjumlah 5,504 kecederaan dan

34 kematian. Kejadian ini disebabkan oleh Persekitaran pekerjaan 20,558 kes, Melalui pengangkutan dan mengangkat peralatan 7,350 kes dan Mesin 2,608 kes seperti yang digambarkan pada **Paparan 4**.”

Bagi **lokasi kecederaan** yang merujuk kepada **bahagian badan** tertentu yang berlaku kecederaan, ia bergantung kepada jenis kecederaan dan persekitaran tempat kerja. Kebanyakan kecederaan pekerjaan melibatkan Anggota atas badan (seperti jari, tangan dan bahu) dengan 13,670 kes, diikuti oleh Anggota bawah badan (kaki dan lutut) dengan 9,270 kes dan Lokasi kecederaan tidak dispesifikasikan dengan 4,715 kes (**Paparan 5**). Lokasi kecederaan ini diperincikan melalui beberapa **jenis kecederaan** untuk memberikan gambaran yang lebih komprehensif mengenai kecederaan (**Paparan 6**). Pada tahun 2023, jenis kecederaan yang signifikan merujuk kepada kecederaan yang kerap kali berlaku adalah Lain-lain kecederaan (15,470 kes), Keretakan tulang (7,982 kes) dan Kecederaan lain dan tidak spesifik (5,500 kes).


Sebaliknya, **penyakit dan keracunan pekerjaan** adalah keadaan kesihatan yang berlaku akibat daripada pendedahan kepada bahaya di tempat kerja. Penyakit ini diakibatkan oleh pendedahan berulang kepada bahan berbahaya atau keadaan kerja yang tidak selamat. Melihat kepada jumlah penyakit pada tahun 2023, terdapat 8,155 kes dengan lebih dua per tiga atau 82.8 peratus daripada keseluruhan penyakit tertumpu dalam kategori Penyakit pendengaran disebabkan bunyi bising pekerjaan iaitu 6,754 kes (**Paparan 7**). Ini diikuti oleh Penyakit muskuloskeletal pekerjaan (696 kes) dan Penyakit yang disebabkan agen fizikal (359 kes).

Bagi mengakhiri kenyataannya, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, “Situasi statistik kecederaan pekerjaan menunjukkan cabaran berterusan dalam keselamatan di tempat kerja. Kebanyakan negara telah melaksanakan peraturan keselamatan dan inisiatif untuk mengurangkan kecederaan di tempat kerja termasuk latihan keselamatan, pemeriksaan dan penalti bagi ketidakpatuhan”.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Kecederaan Pekerja, 2014-2023



Carta 2: Kecederaan Pekerja Bukan Maut, 2014-2023




Carta 3: Kecederaan Pekerja Maut, 2014-2023




Nota: ^r - Nilai kadar pada tahun 2020-2022 disemak semula berdasarkan anggaran data penduduk semasa daripada Banci Penduduk dan Perumahan 2020.


Paparan 1: Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Pekerjaan Maut mengikut Jantina dan Kewarganegaraan, 2023




Carta 4: Kadar Kecederaan Pekerjaan mengikut Kumpulan Umur (setiap 1,000 pekerja), 2023



Paparan 2: Kecederaan Pekerjaan dan Kecederaan Pekerjaan Maut mengikut Negeri, 2023




Carta 5: Kecederaan Pekerjaan mengikut Sektor OSHA, 2023




Nota Carta 5 & 6:

- | | |
|---|---|
| 1. Hotel dan Restoran | 6. Pengilangan |
| 2. Kemudahan | 7. Perdagangan Borong dan Runcit |
| 3. Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan | 8. Perkhidmatan |
| 4. Pembinaan | 9. Perlombongan dan Kuari |
| 5. Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi | 10. Pertanian, Perhutanan dan Perikanan |


Carta 6: Kecederaan Pekerja Maut mengikut Sektor OSHA, 2023




Paparan 3: Kecederaan Pekerja mengikut Penyebab Kecederaan, 2023




Paparan 4: Kecederaan Pekerja mengikut Penyebab Kecederaan (Agen), 2023




Paparan 5: Kecelakaan Pekerja mengikut Lokasi Kecelakaan, 2023



Paparan 6: Kecelakaan Pekerja mengikut Jenis Kecelakaan, 2023



Paparan 7: Penyakit dan Keracunan Pekerjaan mengikut Kategori, 2023



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 NOVEMBER 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

NATIONAL OCCUPATIONAL INJURY AND DISEASE STATISTICS 2023

Occupational injuries in Malaysia increased 13.8 per cent to 38,950 cases in 2023

PUTRAJAYA, NOVEMBER 12, 2024 - Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released **National Occupational Injury and Disease Statistics** for the year 2023. The statistics of these **occupational injuries** contain information on **non-fatal occupational injuries, fatal occupational injuries and occupational diseases and poisoning** detailing the type of injury, cause of injury, factors causing injury, industry and state for the year 2023. These statistics are based on the data provided by the Department of Occupational Safety and Health, Social Security Organisation, Ministry of Finance and Royal Malaysia Police.

Chief Statistician of Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, "For the year 2023, Malaysia recorded 13.8 per cent increase in **occupational injury** cases with a total of 38,950 cases as compared to 34,216 cases recorded in 2022. Hence, the occupational injury rate per 1,000 workers also increased to 2.46 as compared to 2.26 in 2022. (**Chart 1**). Meanwhile, the number of cases for **non-fatal occupational injuries** recorded 38,626 cases from 33,899 cases in 2022. Therefore, the rate of non-fatal occupational injuries per 1,000 workers in 2023 increased to 2.44 as compared to 2.24 in 2022 (**Chart 2**). In the meantime, a total of 324 cases of **fatal occupational injuries** were recorded in 2023, an increase of 7 cases as compared to 317 cases in 2022. On the other hand, the rate of fatal occupational injuries per 100,000 workers for 2023 recorded a decrease to 2.05 as compared to 2.09 recorded in 2022 (**Chart 3**)."

In terms of **occupational injuries** by **demographic background**, the cases have been more common among male workers, due to higher accidents due to the nature of the work. Further analysis on the distribution of cases by gender revealed that more than two-thirds of the cases were male workers (82.7%) as compared to 17.3 per cent female workers. Referring to **fatal occupational injuries**, the male category recorded 320 cases (98.1 per cent) while 1.1 per cent (4 cases) were in the female category. Meanwhile, occupational injuries by **nationality** showed that Malaysian citizens are the most numerous at 87.2 per cent or 33,949 cases, while non-Malaysian citizens account for 12.8 per cent or 5,001 cases (**Exhibit 1**).

Disaggregating occupational injuries by **age group** in 2023, the majority of cases involved workers under the age of 45, with almost 70.7 per cent (27,537 cases). On the contrary, the highest **occupational injury rate** per 1,000 workers were recorded by the 60 to 64 year age group at 2.71, followed by the 55 to 59 year age group at a rate of 2.69 and the 50 to 54 year age group at a rate of 2.54. Meanwhile, the 20 to 24 age group recorded the highest **fatal occupational injury rate** at 2.73. Meanwhile, the age groups of 60 to 64 years ranked second highest with a rate of 2.70, followed by the age groups of 55 to 59 (2.65) and 35 to 39 (2.45), exceeding the national fatal occupational injury rate of 2.05 in 2023 (**Chart 4**).

Based on a comparison by **state**, all states recorded an increase in occupational injuries in 2023 except the state of Kedah. The state of Selangor showed the highest increase in the number of occupational injuries of 8,042 cases. In 2023, seven (7) states recorded an occupational injury rate that exceeded the national rate of 2.46. The state of Penang recorded the highest increase with a rate of 4.78, followed by Johor (3.48), Perak (3.20), Negeri Sembilan (3.01), Melaka (3.01), W.P. Kuala Lumpur & Putrajaya (2.94) and Pahang (2.79). Meanwhile, there were increases in **fatal occupational injuries** for the year 2023 in most states, namely Selangor, Sabah, Penang, Kelantan, Terengganu, Kedah and W.P. Labuan. The highest fatal occupational injury rate were in Terengganu (3.24), with a total of 15 deaths. Pahang recorded the highest reduction with a rate of 2.36 (year 2022: 3.47) by recording seventeen (17) cases compared to 24 cases in 2022 (**Exhibit 2**).

Moving on to the classification according to the **Occupational Safety and Health Act (OSHA)** 1994, OSHA regulations cover ten sectors to protect from workplace hazards. Services recorded the highest number of **occupational injuries** with 10,608 cases (**Chart 5**). This was followed by Manufacturing and Construction sectors which registered 10,335 and 5,379 cases respectively. The lowest number of cases in 2023 was recorded by the Mining & quarrying sector with 116 cases. Overall, the majority of occupational injuries recorded an upward trend for all sectors except Mining & quarrying. On the other hand, the Construction sector remains the highest in terms of **fatal occupational injuries** with a total of 88 cases (year 2022: 72 cases), following risks related to falls, machinery accidents and other hazards (**Chart 6**). This was followed by the Manufacturing (66 cases) and Services (44 cases) sectors.

According to the Chief Statistician, “Other dimensions for the analysis of **occupational injuries** related to the **cause of injuries** were different according to industry and workplace (**Exhibit 3**). The types of occupational injuries that frequently occur in 2023 were Fall of persons which were 9,147 injuries and 95 deaths, Stepping on, striking against or struck by objects including falling objects 8,744 injuries and 76 deaths, and Other types of injury not elsewhere classified 5,504 injuries and 34 deaths. These incidents were caused by the Working environment 20,558 cases, Means of transport and lifting equipment 7,350 cases and Machines 2,608 cases as illustrated in **Exhibit 4**.”

As for the **location of the injury**, which refers to the **specific body part** where the injury occurred, it depends on the type of accident and the workplace environment. Most of the occupational injuries involved Upper limb (such as fingers, hands and shoulders) with 13,670 cases, followed by Lower limb (legs and knees) with 9,270 cases and Unspecified location of injury with 4,715 cases (**Exhibit 5**). The location of the injury could be specified by several **types of injuries** to provide a more comprehensive description of the injury (**Exhibit 6**). In 2023, significant types of injuries refer to injuries that frequently occur were Other wounds (15,470 cases), Fractures (7,982 cases) and Other & unspecified injuries (5,500 cases).

On the other hand, **occupational diseases and poisoning** are health conditions that occur as a result of exposure to hazard at work. This disease is caused by repeated exposure to hazardous substances or unsafe working conditions. Looking at the number of diseases in 2023, there were 8,155 cases with more than two-thirds or 82.8 per cent of all diseases concentrated in the category of Occupational noise-related hearing disorders which were 6,754 cases (**Exhibit 7**). This was followed by Occupational musculoskeletal diseases (696 cases) and Diseases caused by physical agent (359 cases).

In concluding his statement, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, The statistical situation of occupational injuries shows the ongoing challenges in workplace safety. Most countries have implemented safety regulations and initiatives to reduce workplace accidents including safety training, inspections and penalties for non-compliance”.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”. DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.

Chart 1: Occupational Injuries, 2014-2023




Chart 2: Non-fatal Occupational Injuries, 2014-2023





Chart 3: Fatal Occupational Injuries, 2014-2023



Note: ^r - Rate values in 2020 - 2022 are revised based on current population data estimates from the 2020 Population and Housing Census.

Exhibit 1: Occupational Injuries and Fatal Occupational Injuries by Gender and Nationality, 2023




Chart 4: Rate of Occupational Injuries by Age Group (per 1,000 workers), 2023




Exhibit 2: Occupational Injuries and Fatal Occupational Injuries by State, 2023





Chart 5: Occupational Injuries by OSHA Sector, 2023



Notes Chart 5 & 6:

- | | |
|---|---|
| <ul style="list-style-type: none"> 1. Hotels and Restaurants 2. Utilities 3. Finance, Insurance, Real Estate and Business Services 4. Construction 5. Transport, Storage and Communication | <ul style="list-style-type: none"> 6. Manufacturing 7. Wholesale and Retail Trades 8. Services 9. Mining and Quarrying 10. Agriculture, Forestry and Fishing |
|---|---|

Chart 6: Fatal Occupational Injuries by OSHA Sector, 2023




Exhibit 3: Occupational Injuries by Cause of Injury, 2023




Exhibit 4: Occupational Injuries by Cause of Injury (Agent), 2023




Exhibit 5: Occupational Injuries by Injury Location, 2023




Exhibit 6: Occupational Injuries by Type of Injury, 2023





Exhibit 7: Occupational Disease and Poisoning by Category, 2023



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
12 NOVEMBER 2024**